

25/03/2002

NUTP salah faham isu pengasingan murid

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah tertetus berikutan timbul salah faham Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengenai keadaan sebenar.

Perdana Menteri berkata, tindakan mengasingkan pelajar itu terpaksa dibuat kerana di sekolah ada mata pelajaran moral dan agama, bukan ia dilaksanakan sebagai satu dasar.

"Kadang-kadang ternampak seolah-olah ada (pengasingan). Saya pun dapat laporan itu. Saya tak nampak ada asas terhadap dakwaan kononnya ada pengasingan pelajar, tak ada.

"Kita sebenarnya nak bawa pelajar bersama, yang dok bantah ini orang lain.

"Orang lain yang tak nak supaya pelajar belajar bersama. Ini kata kerajaan pula (konon) kata tak nak orang bersama, tak kenalah," katanya hari ini.

Ditanya sama ada perlu bagi Setiausaha Agung NUTP, Datuk N Siva Subramaniam meminta maaf seperti desakan masyarakat guru kerana membuat tuduhan berkisar kepada isu itu yang kemudiannya didapati tidak berasas, Dr Mahathir berkata:

"Tidak, saya tidak tahu. Saya rasa mereka salah faham. Kita boleh jelaskan kepada mereka (NUTP)."

(END)